

TARIKH : 15 FEBRUARI 2022  
 AKHBAR : BERITA HARIAN  
 MUKA SURAT : 2

Penurunan kadar kesuburan faktor ke arah negara tua

# Penurunan kadar kesuburan faktor ke arah negara tua

Dari Muka 1

Ismail Sabri berkata, daripada 32.4 juta penduduk Malaysia, 29.8 juta atau 91.7 peratus adalah warganegara, manakala 2.7 juta lagi bukan warganegara.

Beliau berkata, kumpulan penduduk warga emas yang berumur 60 tahun ke atas direkodkan sebanyak 3.4 juta atau 10.4 peratus daripada keseluruhan penduduk negara.

"Jumlah itu meningkat berbanding pada tahun 2010 yang mencatatkan 2.2 juta penduduk atau hanya 8 peratus.

"Umur muda pula menunjukkan penurunan daripada 27.6 peratus pada 2010 kepada 24 peratus pada 2020," katanya.

Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2020 melaporkan populasi berusia 60 tahun dan ke atas meningkat kepada 3.5 juta tahun lalu yang mewakili 10.7 peratus daripada jumlah penduduk.

Mengikut unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia akan mencapai status negara tua pada 2030 apabila penduduk berusia 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah penduduk.

Antara faktor yang menyumbang ke arah negara tua adalah penurunan kadar kesuburan dan jangka hayat penduduk yang lebih panjang dengan purata umur bagi wanita adalah 77 tahun dan

lelaki 72 tahun.

Difahamkan, pengandaan penduduk berusia 65 tahun dan ke atas di Malaysia naik tujuh hingga 14 peratus dalam tempoh 23 tahun berbanding 50 hingga 100 tahun bagi negara maju.


Banci 2020 adalah keenam dilaksanakan sejak tertubuhnya Malaysia pada 1963. Banci sebelum ini dijalankan pada 1970, 1980, 1991, 2000 dan 2010.

Dari segi tempat kediaman, Perdana Menteri berkata, sebanyak 9.6 juta sudah dibanci dan 8.2 juta isi rumah (IR) dengan purata saiz IR persendirian sebanyak 3.8 peratus," katanya pada majlis pelancaran itu..

"Bagi statistik mengikut etnik, penduduk Bumiputera mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 69.4 peratus, diikuti etnik Cina (23.2 peratus), India (6.7 peratus) dan lain-lain (0.7 peratus)," katanya.

Jika dibandingkan Banci 2010, peratusan penduduk Bumiputera meningkat daripada 67.4 peratus kepada 69.4 peratus dalam tempoh 10 tahun, namun etnik Cina dan India menurun daripada 24.5 peratus dan 7.3 peratus masing-masing kepada 23.2 peratus dan 6.7 peratus pada 2020.

Ismail Sabri berkata, pementasan Banci 2020 akan dijadikan tanda aras baharu untuk kerajaan menggariskan dasar yang berkaitan dalam pembangunan kesejahteraan rakyat.



"Di samping itu, ia menjadi input menyeluruh dalam pelaksanaan dasar sedia ada seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Ke-12 dan Agenda 2030 Pembangunan Mampan (SDGs)," katanya.

Beliau menjelaskan, statistik Banci Penduduk dan Perumahan

dapat memberi gambaran sebenar mengenai situasi kependudukan semasa Malaysia termasuk saiz, taburan, komposisi dan ciri sosioekonomi penduduk serta perumahan.

"Bertitik tolak daripada maklumat yang diperoleh inilah kerajaan akan dapat menentukan

bagaimana pembiayaan bernilai berbilion ringgit dapat dibelanjakan di seluruh negara.

"Di sinilah bagaimana kerajaan dapat menyalurkan bantuan kewangan kepada rakyat yang layak dan memerlukan seperti menanganai jurang pendapatan dan kekayaan rakyat yang semakin melebar, membasmi kemiskinan dan mengurus kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40), termasuk golongan mudah terjejas (rentan ekonomi) dan terpinggir.

"Kumpulan sasar seperti warga emas dan golongan kurang upaya turut tidak akan terkecuali menikmati limpahan kesejahteraan ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, penghasilan profil yang terperinci akan digunakan membuat perancangan dan keputusan berkenaan perkhidmatan awam yang diperlukan bagi setiap lokaliti seperti hospital, sekolah, jalan raya dan pengangkutan awam.

Katanya, data banci juga akan digunakan untuk pengiraan pendapatan perkapita, penggabalan dasar warga emas dan perancangan sosial.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 menunjukkan jumlah penduduk negara ketika itu adalah 28.3 juta, berbanding 23.3 juta pada 2000. Daripada jumlah itu, 14,562,638 adalah lelaki, manakala 13,771,497 wanita.